

## Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 (FOI / [ENAKMEN 16])

Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah polisi pentadbiran yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), telah berusaha bagi memastikan Raayat Pulau Pinang diberi kebebasan untuk mengakses maklumat melalui saluran yang betul dan tepat. Selaras dengan tujuan tersebut, maka Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] telah diwartakan pada 2 Februari 2012 dan berkuasa mulai 1 Januari 2015. Dua (2) undang-undang subsidiari berkaitan Enakmen yang telah disediakan adalah berkaitan;

- Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat) 2014; dan
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014

Melalui dasar ini, orang awam boleh mengakses maklumat daripada jabatan-jabatan negeri melalui permohonan rasmi. Walau bagaimanapun, akses kepada undang-undang bertulis masing-masing dalam sub-peraturan 3(1), 4(2) dan 5(2) dibawah Enakman 16

Bgaimanapun Akses yang dibenarkan ini tidak termasuk Maklumat-Maklumat yang dikecualikan dalam seksyen 11, di bawah Enakmen 16. Antaranya yang tidak dibenarkan adalah maklumat peribadi dokumen / keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Kesihatan dan Keselamatan, Penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang dan pelanggaran hak cipta